

20 DEC 1999

Parlimen-Sumpah

GELAGAT ANGGOTA DEWAN RAKYAT ANGKAT SUMPAAH

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Upacara angkat sumpah jawatan sebagai anggota Parlimen di Dewan Rakyat hari ini menyaksikan pelbagai gelagat anggota baru dan tidak kurang juga gaya anggota lama.

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), misalnya yang menjadi anggota Parlimen sejak tahun 1982, menarik perhatian dewan apabila beliau dapat menghafal teks angkat sumpah yang disediakan.

Ada antara anggota Parlimen yang kelihatan bercakap-cakap sesama sendiri sambil memerhatikan Tan yang dengan yakin melafazkan ikrar taat setia di hadapan Speaker Tun Mohamed Zahir Ismail.

Muka baru, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail (Keadilan-Permatang Pauh) pula kelihatan mengangkat sumpah dengan nada lembut tetapi tegas.

Kebanyakan anggota pembangkang juga turut menekankan ungkapan "...akan mempertahankan Perlembagaan" semasa mengangkat sumpah masing-masing.

Majlis itu menyaksikan 189 daripada 193 anggota mengangkat sumpah taat setia pada permulaan persidangan parlimen yang pertama diadakan selepas pilihan raya umum ke-10 pada 29 Nov lepas.

Lafaz angkat sumpah dimulakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diikuti oleh anggota kabinet, penyokong kerajaan dan barisan pembangkang.

Antara yang tidak hadir hari ini ialah Menteri Besar Terengganu Abdul Hadi Awang yang juga Anggota Parlimen Marang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Abdul Hamid Othman dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed pula telah mengangkat sumpah sebagai senator pada 13 Dis lepas.

Majlis angkat sumpah yang dimulakan pada 10.30 pagi itu pada awalnya telah dipulau oleh barisan pembangkang yang meninggalkan majlis kerana tidak berpuas hati dengan proses pelantikan Zahir sebagai Speaker dan menganggap persidangan kali ini tidak sah kononnya kerana tidak mengikut Perlembagaan.

Bagaimanapun, mereka kembali semula ke dalam Dewan pada 12.15 tengah hari sebaik barisan penyokong kerajaan hampir selesai mengangkat sumpah masing-masing.

Kehadiran mereka semula ke dalam Dewan itu telah diboo oleh penyokong kerajaan sebelum keadaan ditenteramkan oleh Zahir.

Pada sesi petang, Dr Mahathir mencadangkan dua nama sebagai Timbalan Speaker iaitu Anggota Parlimen Senai Datuk Lim Si Cheng dan wakil Maran Datuk Haji Muhammad bin Abdullah.

Cadangan itu disokong oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu.

Lim dan Muhammad menggantikan Datuk Ong Tee Keat yang kini dilantik Timbalan Menteri Belia dan Sukan, dan Datuk Juhar Mahiruddin yang tidak bertanding pada pilihan raya umum pada 29 Nov lepas.

Zahir juga mengiktiraf Datuk Fadzil Nor sebagai Ketua Pembangkang menggantikan Lim Kit Siang, Pengerusi DAP yang tewas pada pilihan raya itu.

"Dengan pengiktirafan itu, bermakna beliau layak menerima kemudahan-kemudahan yang diperuntukkan kepadanya sebagai Ketua Pembangkang mulai hari ini," katanya.

-- BERNAMA

NZ MAI